

PENERAPAN KONSEP *DEVOLUTION* DI DALAM KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PELAJAR PENTADBIRAN AWAM

Nor Suhaiha Md Khalid
suhaiyahkhalid@yahoo.com

Suzei Mat Nurudin
Zarina Mohd Zain
Universiti Teknologi MARA

ABSTRAK

Kerajaan Malaysia mengamalkan sistem kerajaan persekutuan dan disentralisasi di dalam melaksanakan pemerintahan di mana pentadbiran negara dibahagikan kepada tiga peringkat utama iaitu Kerajaan Pusat (Central Government), Kerajaan Negeri (State Government) dan Kerajaan Tempatan (Local Government). Konsep desentralisasi ini merupakan satu cara untuk kerajaan pusat mengagihkan sesetengah kuasa dalam urusan pentadbiran kepada peringkat bawahan seperti kerajaan negeri dan kerajaan tempatan. Untuk peringkat kerajaan tempatan, pengagihan kuasa dikenali sebagai konsep devolution yang telah menjadi keperluan utama kepada pentadbiran kerajaan tempatan bagi memastikan keberkesanan dalam urusan pentadbiran kerajaan disamping memberi perkhidmatan terbaik buat rakyat seluruhnya. Kursus Pentadbiran Kerajaan Tempatan yang ditawarkan pada pelajar Diploma Pentadbiran Awam di UiTM ini menggunakan kaedah face-to-face (kuliah) dan non-face-to-face (blended learning) sepanjang 14 minggu pengajaran dan pembelajaran. Kursus Pentadbiran Kerajaan Tempatan ini diberi penekanan kerana kursus ini penting untuk pelajar tahu serta faham akan perlaksanaannya yang mana kerajaan Malaysia mengamalkan sistem kerajaan persekutuan di dalam melaksanakan pemerintahan. Artikel ini akan membincangkan konsep devolution yang di terapkan di dalam pentadbiran kerajaan tempatan di Malaysia yang mana akan menitikberatkan perlaksanaan konsep ini secara umum.

Kata kunci: *Devolution, kerajaan tempatan, pengajaran & pembelajaran*

PENGENALAN

Pembentukkan kerajaan tempatan di Malaysia merupakan salah satu peninggalan penjajah British pada Malaysia yang mana pembentukkan kerajaan tempatan pada era itu sebagai pemudahcara kepada kerajaan pusat dan diletakkan dibawah bidang kuasa kerajaan negeri. Fungsi ini masih diteruskan sehingga sekarang dengan beberapa perubahan penambahbaikan telah dilakukan bagi memenuhi keperluan selepas kemerdekaan. Perubahan yang dibuat bukan sahaja melibatkan fungsi kerajaan tempatan ini malah ia turut melibatkan bidang kuasa yang diberi kepada kerajaan tempatan ini seperti yang tertulis di dalam Akta Kerajaan Tempatan 171 (1976).

Menurut Phang Siew Nooi (1997), *local government is further limited in its jurisdictional competence by the principle of ultra vires, i.e. local government can only perform those function expressly enumerated in its statutes and within its gazetted area only.* Di sini jelas menunjukkan bahawa setiap tindakan yang diambil serta setiap pembuatan keputusan kerajaan tempatan adalah termaktub di dalam Akta Kerajaan Tempatan 171 (1976). Setiap kerajaan tempatan hanya akan bertanggungjawab kepada suatu kawasan yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya serta persetujuan kerajaan negeri.

Tujuan utama kajian ini dibuat adalah bagi melihat tahap pemahaman pelajar-pelajar Diploma Pentadbiran Awam tahun ketiga (tahun akhir pengajian) terhadap konsep *devolution* yang digunakan di dalam perlaksanaan kerajaan tempatan di Malaysia. Yang mana peranan kerajaan tempatan amat penting di negara kita dan ia merupakan salah satu kaedah utama yang masyarakat boleh gunakan untuk menyalurkan masalah sekeliling yang dihadapi. Pemahaman pelajar ini akan memberi kesan kepada sistem pengajaran dan pembelajaran pelajar terhadap kursus ini.

OBJEKTIF KAJIAN

- a) Melihat tahap pemahaman pelajar Diploma Pentadbiran Awam terhadap konsep kerajaan tempatan.
- b) Melihat kaedah pengajaran dan pembelajaran yang mana sesuai untuk pelajar Diploma Pentadbiran Awam memahami Kursus Pentadbiran Kerajaan Tempatan.

PENYATAAN MASALAH

- a) Tahap pemahaman pelajar pada kerajaan tempatan sangat rendah kerana masih terdapat pelajar yang tidak dapat membezakan bidangkuasa kerajaan negeri dengan kerajaan tempatan.
- b) Terdapat banyak istilah berkaitan dengan kerajaan tempatan yang pelajar harus tahu dalam sesi pengajaran kursus.

TINJAUAN LITERATUR

“Kerajaan tempatan dalam konteks Semenanjung Malaysia bermaksud kerajaan di kawasan-kawasan Bandar, luar Bandar atau gabungan kedua-dua kawasan ini dan di bawah kuasa kerajaan negeri masing-masing. Kerajaan tempatan mempunyai kedudukan yang sah dan berdaulat daripada kerajaan tertinggi itu. Kerajaan tempatan ialah peringkat ketiga dalam struktur Persekutuan Malaysia.” Definisi KT oleh Malcolm W. Norris (1980) di dalam Phang (1989).

Badan yang mentadbir pula merupakan satu entiti yang dilantik atau dipilih oleh peringkat kerajaan yang lebih tinggi (misalnya dilantik oleh kerajaan negeri bagi setiap negeri atau dilantik oleh kerajaan persekutuan bagi setiap Wilayah Persekutuan (Athi Nahappan 1968; Sady 1962, dalam Ahmad Atory Hussain 1991). Badan yang mentadbir adalah merujuk kepada ahli majlis di mana kerajaan negeri akan melantik ahli majlis seramai 8 hingga 24 orang untuk mentadbir kawasan kerajaan tempatan yang telah ditetapkan.

Menurut Hill (1974) Kerajaan tempatan juga boleh didefinisikan sebagai satu unit sistem wilayah yang mana ditentukan oleh sempadan-sempadan, identiti yang sah, struktur institusi, kuasa dan tanggungjawab yang ditentukan secara am, kedudukan khas, tahap kewangan serta lain-lain autonomi. Kerajaan tempatan di Malaysia mempunyai keistimewaan tersendiri seperti yang digariskan dalam definisi di atas. Ini memberikan kemudahan untuk setiap kerajaan tempatan dalam menyampaikan perkhidmatan kepada penduduk setempat.

Kerajaan tempatan juga merupakan sebuah agensi awam yang menyediakan perkhidmatan kepada masyarakat untuk penambahbaikan operasi (Kuppusamy, 2008). Bagi sebuah negara yg sedang membangun seperti Malaysia, kerajaan tempatan adalah penyumbang utama yang menyediakan perkhidmatan yang plaing dekat dalam pembangunan masyarakat terutamanya untuk rakyat setempat. Sebagai agensi yang terdekat dengan rakyat dan menjadi pusat penyertaan untuk pembangunan masyarakat, kerajaan tempatan di Malaysia telah diamanahkan tugas penting untuk

dimainkan dalam pembangunan masyarakat seperti penglibatan masyarakat dalam pentadbiran tempatan, menyediakan ruang perniagaan dan lain-lain khidmat.

Berdasarkan kepada definisi-definisi tersebut, dapat dirumuskan bahawa kewujudan pihak berkuasa tempatan sebagai kerajaan yang terbawah selepas kerajaan negeri dan kerajaan pusat adalah penting untuk menyediakan khimat dan menjalankan fungsi yang sangat dekat dengan masyarakat setempat.

KONSEP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Sesi penuh pengajaran untuk kursus ini (Minggu pertama hingga Minggu ke-11) akan menggunakan kaedah syarahan (*real face-to-face*) yang mana setiap kandungan silibus berkaitan Kursus Pentadbiran Kerajaan Tempatan ini akan disampaikan terus kepada pelajar di dalam sesi kuliah yang telah ditetapkan yang mana pelajar harus menghadiri sesi kuliah yang dibuat sekali seminggu selama dua jam tanpa henti. Di dalam sesi kuliah ini, pelajar akan diterangkan kandungan silibus yang perlu pelajar tahu dan faham mengenai Kursus Pentadbiran Kerajaan Tempatan ini. Pelajar turut dibantu dengan alat bantuan lain iaitu nota *power point slides* serta nota manual kursus.

Sesi pengkuliahan untuk satu semester ialah selama 14 minggu dan tidak termasuk cuti pertengahan semester atau cuti khas yang lain. Yang mana selama 11 minggu pelajar harus menghadiri sesi kuliah *face-to-face* iaitu melalui kaedah syarahan dan baki tiga minggu lagi pelajar harus berinteraksi dengan penyarah melalui kaedah *Blended Learning*. Kaedah *Blended Learning* turut akan melibatkan syarahan secara virtual yang mana pensyarah akan membuat rakaman mengenai kandungan silibus dan pelajar boleh memberi maklumbalas di ruang yang disediakan. Pemahaman pelajar terhadap kursus Pentadbiran Kerajaan Tempatan di ukur dengan cara pelajar harus menduduki ujian serta menyempurnakan tugas berkumpulan yang telah ditetapkan.

Menurut Semler (2005), “*Blended Learning combines the best aspects of online learning, structured face-to-face activities, and real world practice. Online learning systems, classroom training, and on-the-job experience have major drawbacks by themselves. The Blended Learning approach uses the strengths of each to counter the others' weaknesses.*”(<http://www.pendidikanekonomi.com/2012/11/pengertian-blended-learning.html>).

Blended Learning ini merupakan salah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang mana konsep *face-to-face* secara visual dibuat. Keadah ini telah digunakan di dalam sistem UiTM termasuk untuk Kursus Pentadbiran Kerajaan Tempatan ini. Untuk kursus ini, pelajar akan menggunakan kaedah *Blended Learning* bermula pada minggu ke-12 sesi pembelajaran sehingga ke minggu ke-14 iaitu minggu terakhir di dalam sesi pembelajaran satu semester. Untuk tempoh yang singkat itu, pembelajaran lebih kepada perbincangan secara ringkas untuk setiap topik pembelajaran.


Selain daripada penyampaian syarahan, pemahaman pelajar terhadap kursus Pentadbiran Kerajaan Tempatan ini juga boleh diambil kira dengan aktiviti sampingan yang lain seperti Lawatan Akademik, Seminar, Pameran, Video serta perbincangan dengan menggunakan *case study* yang sebenar. Kepelbagaiannya aktiviti yang dijalankan di dalam kelas tutorial iaitu selama satu jam satu minggu sekali, turut akan membantu pelajar lebih faham terhadap setiap konsep dan perlaksanaan Kerajaan Tempatan terutamanya di Malaysia.

KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian yang digunakan ialah dengan mengedarkan borang soal selidik secara online yang mana borang ini diedarkan pada seluruh cawangan UiTM yang ada menawarkan program Diploma Pentadbiran Awam (AM110) secara sepenuh masa. Yang mana pelajar-pelajar diploma ini ada mengambil kursus Pentadbiran Kerajaan Tempatan di tahun terakhir mereka. Cawangan UiTM yang ada menawarkan program diploma ini ialah UiTM Seremban 3, UiTM Raub, UiTM Sg Petani, UiTM Sabah dan UiTM Sarawak.

Borang soal selidik ini telah diedarkan pada semua pelajar yang mengambil kursus Pentadbiran Kerajaan Tempatan. Seramai 358 yang mendaftar kursus ini dan sebanyak 348 borang soal selidik telah dijawab oleh pelajar.


ANALISIS



Gambarajah 1: Bidang Kuasa PBT

Berdasarkan gambarajah 1, didapati bahawa tidak semua pelajar dapat membezakan bidang kuasa kerajaan tempatan dan kerajaan negeri. Masih terdapat pelajar yang keliru terhadap autonomi yang dimiliki oleh kerajaan tempatan di Malaysia. Walau bagaimanapun, 37% pelajar sangat bersetuju bahawa kerajaan tempatan diletakkan di bawah pengawasan serta kawalan kerajaan negeri. Seramai 19% pelajar kurang faham mengenai bagaimana kerajaan pusat serta kerajaan negeri boleh campur tangan dalam urusan pentadbiran kerajaan tempatan. Hal ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya pelajar masih belum jelas tentang perlaksanaan pentadbiran kerajaan tempatan.

Methods Of Teaching In Explaining Devolution Concept



Gambarajah 1

Melihat kepada gambarajah 1 mendapati 84.7 % pelajar bersetuju untuk menggunakan kaedah syarahan sebagai kaedah utama di dalam penyampaian serta pemahaman untuk Kursus Pentadbiran Kerajaan Tempatan. Sesi pengajaran dan pembelajaran untuk kursus ini sekarang adalah 80% syarahan (*real-face-to-face*) dan 20% (minggu kuliah ke-12 hingga ke-14) akan menggunakan kaedah *Blended Learning*.

Selain daripada kaedah syarahan, pelajar juga berpendapat bahawa lawatan akademik (32.2 %) dan perbincangan berdasarkan *case study* (32.2 %) dapat membantu meningkatkan pemahaman pelajar terhadap Kursus Pentadbiran Kerajaan Tempatan. Di mana lawatan akademik boleh dibuat ke mana sahaja tempat yang berkaitan dengan kursus ini seperti lawatan ke Majlis Bandaraya setiap negeri atau lawatan akademik ke Jabatan Kerajaan Tempatan di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Pelajar turut bersetuju bahawa kaedah tontonan video (20.2 %) akan menyumbang kepada pemahaman pelajar terhadap kursus ini. Daripada survey yang dibuat ini

menunjukkan pelbagai kaedah boleh digunakan di dalam sesi pengajaran serta pembelajaran Kursus Pentadbiran Kerajaan Tempatan. Pemahaman setiap pelajar berbeza atas faktor sekeliling dan kaedah pengajaran yang digunakan oleh penyarah. Yang mana sesi pengajaran kursus ini secara sepenuh masa bukan disampaikan oleh seorang pensyarah sahaja. Maka penilaian terhadap pemahaman pelajar ini akan diukur dari segi keupayaan pelajar menjawab soalan ujian yang sama untuk seluruh batch.

Keseluruhan kursus Pentadbiran Kerajaan Tempatan ini akan memberi gambaran bagaimana perlaksanaan kerajaan tempatan yang bertanggungjawab mengurus serta memastikan segala kemudahan dalam keadaan yang boleh digunakan oleh rakyat setempat. Pembentukan kerajaan tempatan adalah sebagai salah satu cara untuk memastikan kerajaan persekutuan dapat memenuhi segala tanggungjawabnya kepada rakyat melalui penyampaian perkhidmatan oleh kerajaan tempatan. Walaupun pembentukan kerajaan tempatan ini berbeza dan terdapat tiga jenis yang utama di Malaysia, namun matlamat asas ianya dibentuk untuk memastikan kesejahteraan rakyat umumnya.

Oleh itu, amat penting untuk pelajar tahu serta faham dengan mendalam akan setiap jenis kerajaan tempatan ini dari segi peranan, fungsi serta perlaksanaannya di dalam struktur pentadbiran kerajaan di Malaysia. Ketidakfahaman mengenai bidang kuasa atau autonomi yang dimiliki kerajaan tempatan boleh menyebabkan pelajar salah mentafsir pendapat serta akan menyebabkan kefahaman pelajar makin kurang dan kabur akan perlaksanaan secara keseluruhan sistem kerajaan tempatan ini yang mana kerajaan tempatan ini memiliki autonomi tersendiri iaitu terutamanya autonomi dari aspek pentadbiran dan kewangan

KESIMPULAN

Kesimpulannya, didapati bahawa majoriti pelajar masih kurang jelas terhadap perlaksanaan pentadbiran kerajaan tempatan di Malaysia. Namun demikian, pelajar sangat jelas akan ciri-ciri umum yang dimiliki oleh kerajaan tempatan. Pada masa yang sama, pelajar juga tahu akan cara-cara kerajaan tempatan mendapatkan sumber kewangan serta bagaimana cara kerajaan tempatan membelanjakan kewangan yang sedia ada. Berdasarkan analisa, pemahaman asas pelajar terhadap kerajaan tempatan boleh dianggap lemah.

Kaedah syarahan di dalam penyampaian sesi pengkuliahan adalah kaedah yang paling berkesan di dalam pengajaran dan pembelajaran Kursus Pentadbiran Kerajaan Tempatan dikalangan pelajar sepenuh masa yang mengambil Diploma Pentadbiran Awam. Secara purata pelajar ini merupakan pelajar lepasan SPM yang mungkin pertama kali didedahkan untuk mempelajari struktur kerajaan yang ada di negara Malaysia, jadi cara penyampaian ini adalah yang paling sesuai dilaksanakan untuk menjamin pengetahuan dan kefahaman di kalangan pelajar.

Pada masa yang sama pelajar ingin mencuba kaedah pengajaran yang berbeza dari amalan yang biasa. Kaedah *Blended Learning* ini amat bagus untuk digunakan sepenuhnya di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, namun kelengkapan fasiliti yang disediakan oleh institusi juga harus diberi perhatian dan ditingkatkan bagi memastikan semua pelajar boleh akses kepada sistem sepanjang masa tanpa sebarang gangguan talian. Ini adalah penting sekiranya sistem pengajaran kursus ini menggunakan blended learning sepenuh masa untuk menjamin kualiti pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan oleh pensyarah kepada para pelajar.

RUJUKAN

- Ahmad Atory Hussain 1991, Kerajaan Tempatan: Teori dan Peranan di Malaysia,
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Malaysia) (Akta 171).
- Hill, D.M. 1974. Democratic theory and local government. London: George Allen & Unwin.
- <http://www.pendidikanekonomi.com/2012/11/pengertian-blended-learning.html>
accessed on 25th March 2018
- Kuppusamy Singaravelloo. (2008). Measuring Performance of Local Authorities
Using Composite performance Index and Perceived Performance Score,
Unpublished Doctor of Philosophy Thesis, submitted to the Graduate School
of Management. Universiti Putra Malaysia.
- Local Government Act 1976 (Act 171) & Subsidiary Legislation (as at 5th September
2007)
- Phang Siew Nooi (1989) Sistem kerajaan tempatan di Malaysia. Kuala Lumpur : Dewan
Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Phang Siew Nooi (1997). Financin local government Kuala Lumpur: Universiti Malaya.